

NO. SOALAN: 314

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
[HULU LANGAT]**

SOALAN NO. 314

Minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan pendirian Kementerian terhadap cadangan untuk menjalankan penanaman “hemp” di seluruh Malaysia sebagai tanaman komersial.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- 1) Penanaman *Cannabis sativa* atau hemp adalah dilarang dan tidak dibenarkan kecuali untuk tujuan penyelidikan berdasarkan Akta Dadah Berbahaya 1952. Sebelum hemp ditanam bagi tujuan komersial, R&D yang terperinci perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi meneroka potensi penanaman hemp di Malaysia.

- 2) Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Dalam Negeri (KDN) serta agensi-agensi berkepentingan lain sedang membuat perbincangan bagi cadangan penanaman hemp untuk tujuan penyelidikan. Cadangan penanaman hemp untuk tujuan penyelidikan ini memerlukan tempoh 2 hingga 3 tahun dengan mengambil kira pelbagai faktor merangkumi kawalan dari aspek perundangan, pemantauan dan keselamatan.

Sekian, terima kasih.